


Sosialis



**UNDILAH PSM
UNTUK
PERUBAHAN
SEBENAR**

BERSAMA MEMBINA KUASA RAKYAT

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemakaian.

Bendera dan Lambang



Lambang parti ialah genggaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

Matlamat PSM

- Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama. Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrasi dan kepaluan.
- Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuhan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebijakan pekerja dan keluarga menjaminkan hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya.
- Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.

- agama dan budaya.
- Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.
- Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinasaan.
- Mengurangkan biroaksi dan menghapuskan karenah biroaksi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama:
Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank:
512080337313

DARI MEJA PENGARANG

Sekali lagi rakyat Malaysia akan membungkung undi dalam peti undi pada 9 Mei ini, untuk menentukan siapa yang akan membentuk kerajaan yang akan mentadbir negara kita untuk 5 tahun akan datang.

Najib lawan Mahathir, telah menjadi fokus utama dalam Pilihanraya Umum (PRU) kali ini, apabila Pakatan Harapan yang sepatutnya menjadi alternatif untuk menggantikan rejim UMNO-BN, telah mengangkat serpihan UMNO-BN yang pernah mengundang pelbagai masalah kepada negara kita sebagai pemimpin agung mereka dan diwar-warkan sebagai penyelamat negara.

Adalah amat ironi apabila seorang diktator yang ditentang rakyat habis-habisan 20 tahun dahulu, kini diangkat begitu tinggi seolah-olah negara kita tidak dapat diselamatkan tanpanya. Ini adalah kegagalan parti politik pembangkang aliran utama kita dalam membangunkan kepimpinan alternatif yang berpandangan jauh dan memperkasakan rakyat dalam perjuangan menuntut keadilan sosial.

Walau bagaimanapun, rejim UMNO-BN pimpinan Najib Razak masih perlu ditentang dan digantikan dengan sesuatu yang baru. Persoalannya adalah mampukah Pakatan Harapan dapat melakukan reformasi yang sebenar, ataupun hanya kembali kepada situasi berebut kuasa untuk kepentingan puak sendiri sekiranya menang. Jikalau Pakatan Harapan kalah, pastinya akan berlaku lagi krisis di kalangan parti-parti pembangkang aliran utama dan mewujudkan perpecahan yang baru.

Dalam keadaan rakyat biasa semakin ditekan dengan kos sara hidup yang tinggi, ketidakjaminan kerja dan masa hadapan yang murung, kita perlunya membina satu alternatif yang jelas. Dengan sandiwara politik yang mengelirukan rakyat, memang kita tidak dapat mengharapkan pemimpin politik yang tidak berprinsip untuk memimpin perubahan. Rakyat biasa perlu diperkasakan untuk berjuang secara bersama untuk membawa perubahan yang sebenar.

Penglibatan PSM dalam PRU-14 adalah dengan tekad membawa kesedaran untuk membina kuasa rakyat secara bersama dalam usaha memperjuangkan perubahan masyarakat yang dapat menjamin kesejahteraan kita semua.

PSM masih parti kecil dan tidak bertanding di banyak kawasan. Namun, PSM bercita-cita besar untuk menawarkan visi politik yang berbeza daripada parti-parti pembangkang aliran utama. Apabila politikus-politikus tumpukan perhatian kepada serangan peribadi dan retorik populis yang hanya mengungkitkan sentimen kemarahan rakyat tanpa membina kesedaran rakyat untuk memperkasakan diri mereka, PSM lebih fokus kepada usaha membongkarkan kepincangan sistem sosio-ekonomi yang mewujudkan jurang kekayaan yang semakin melebar, ketidakjaminan kerja, kehidupan rakyat biasa yang semakin susah dan kehancuran alam sekitar yang menjelaskan kualiti hidup rakyat. PSM percaya bahawa perubahan sebenar hanya dapat dicapai dengan membina kuasa rakyat dari bawah. ##

Langganlah Akhbar Sosialis sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

Nama: _____

Alamat: _____

Telefon: _____

Faks: _____

E-mel: _____

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama
PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**

140A, Jalan Sultan Abdul Samad,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

Tel/Faks: 03-22762247

E-mel: pusat@partisosialis.org

Laman web: <http://partisosialis.org/>

BERSAMA MEMBINA KUASA RAKYAT

Negara Malaysia sedang dilanda musibah akibat daripada kepincangan kerajaan yang memerintah dan juga sistem sosio-ekonomi kapitalis yang memeras rakyat biasa untuk memaksimumkan keuntungan golongan kapitalis yang kaya-raya.

Untuk menjamin hak dan kesejahteraan rakyat, di samping membolehkan rakyat biasa mendapat ruang yang seluasnya untuk melibatkan diri dalam proses politik, kita perlukan perubahan sosial. Perubahan sosial yang benar-benar membebaskan rakyat dan mewujudkan keadilan masyarakat yang menjamin kesejateraan semua secara berkekalan, bukannya hanya sekadar menukar kerajaan, tetapi juga perlu melibatkan perubahan sistem politik dan sosio-ekonomi. Dari segi politik, kita perlukan pembaharuan yang menyeluruh ke atas sistem pentadbiran dan perundangan di

negara kita, supaya dapat menjamin pilihanraya yang bebas dan adil, pentadbiran kerajaan yang lebih telus dan bertanggungjawab serta undang-undang yang melindungi rakyat terbanyak bukannya menjaga kepentingan golongan berkuasa. Dari segi sosio-ekonomi, kita perlu menggantikan sistem kapitalis yang wujud sekarang ini, kerana ia membawa pelbagai masalah kepada rakyat biasa dan membiak ketidaksamarataan dalam pengagihan kekayaan masyarakat. Apabila yang miskin semakin miskin, yang kaya pula semakin kaya, masyarakat kita akan menjadi semakin tidak stabil dan mengundang bencana yang lebih teruk lagi. Kita perlu membina sebuah ekonomi yang berfungsi untuk memastikan rakyat terbanyak menikmati kehidupan yang sejahtera, bukannya untuk hanya membolehkan golongan korporat mengaut keuntungan sebanyak

mungkin tanpa mempedulikan akibatnya.

Untuk mencapai perubahan sosial yang kita inginkan, kita tidak boleh menaruh harapan kita sepenuhnya kepada elit-elit politik yang rapat dengan golongan mahakaya dan berubah-ubah pendirian politiknya hanya untuk memastikan mereka dapat berkuasa. Hanya kuasa rakyat dapat membawa perubahan yang

sebenar. Oleh itu, PSM bertekad untuk menggunakan setiap ruang yang ada untuk bergerak dan berjuang bersama-sama dengan rakyat, dengan hasrat untuk membina dan memperkasakan kuasa rakyat dari bawah.

Marilah kita bersama-sama membina kuasa rakyat menuju ke arah perubahan yang membebaskan rakyat daripada segala bentuk pemerasan dan penindasan.



Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti politik yang memperjuangkan keadilan sosial dan demokrasi sejati, demi membebaskan rakyat daripada segala bentuk penindasan dan membina sebuah masyarakat yang benar-benar sejahtera untuk semua.

PSM merupakan satu-satunya parti politik yang membawa analisis dan alternatif menuju kepada pembebasan rakyat bawahan daripada penindasan sistem kapitalis. PSM memperjuangkan isu-isu yang berkait rapat dengan rakyat biasa, termasuklah isu gaji, jaminan pekerjaan, pengurangan beban kehidupan, pencen untuk semua warga emas, perkhidmatan kesihatan awam, pendidikan percuma sehingga peringkat universiti, pilihanraya tempatan dan perlindungan alam sekitar.

Agenda perjuangan PSM adalah mewujudkan sebuah masyarakat yang benar-benar bebas, demokratik, adil, saksama dan rakyat hidup dengan sejahtera, melalui cara membina kuasa rakyat dari bawah.

PSM sentiasa percaya bahawa hanya rakyat akar umbi yang sedar dan berorganisasi dari bawah mampu membawa perubahan masyarakat yang benar-benar memanfaatkan semua dan berkekalan. Kesedaran rakyat dan keupayaan rakyat untuk berorganisasi hanya dapat dibina melalui penglibatan terus rakyat bawahan dalam proses perjuangan masyarakat.



Dari perjuangan kawasan ke kempen nasional

PSM terlibat dalam perjuangan komuniti di banyak kawasan yang merangkumi sektor ladang, peneroka bandar, petani, pekerja kontrak dan Orang Asli.

PSM juga menganjurkan kempen nasional yang membawa tuntutan rakyat biasa kepada perhatian pembuat dasar melalui proses pendidikan politik dan mobilisasi untuk aksi massa. Antara kempen yang pernah diadakan oleh PSM termasuklah Kempen Menuntut Akta Gaji Minimum, Kempen Tabung Pemberhentian Kerja, Gabungan Membantah Penswastaan Perkhidmatan Kesihatan, Gabungan Anti-Perang, Kempen Kembalikan Pilihanraya Tempatan, Gabungan Bantah GST dan sebagainya.

PSM lahir dari perjuangan rakyat

PSM ditubuhkan oleh aktivis-aktivis yang bergiat dalam gerakan perjuangan rakyat marhaen pada tahun 1998. Aktivis-aktivis yang menjadi perintis dalam penubuhan PSM telah melibatkan diri mereka dalam organisasi masyarakat akar umbi sejak tahun 1980-an, di mana usaha organisasi mereka merangkumi masyarakat ladang, pekerja dan peneroka bandar. Tiga organisasi masyarakat yang memainkan peranan penting dalam penubuhan PSM, iaitu Suara Warga Pertiwi (SWP), Alaigal dan Pusat Pembangunan Masyarakat (CDC).

PSM mengemukakan permohonan untuk menubuhkan parti yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 30 April 1998. Namun, permohonan PSM untuk menubuhkan parti telah ditolak oleh ROS. PSM menjadi parti politik pertama di Malaysia yang mencabar Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia di mahkamah kerana dinafikan hak untuk kebebasan berpersatu. Selepas perjuangan selama 10 tahun untuk pendaftaran, PSM akhirnya didaftarkan sebagai sebuah parti politik yang sah di sisi undang-undang pada tahun 2008.

Dalam 10 tahun pertama selepas penubuhan PSM, walaupun tidak mendapat pendaftaran ROS, PSM masih menggerakkan banyak perjuangan rakyat seperti kempen

menuntut gaji minimum, membantah penswastaan hospital dan menjadi parti politik yang pertama berkempen menentang cadangan kerajaan untuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Selepas didaftarkan ROS, PSM terus bergiat aktif dan memperluaskan organisasi ke merata tempat di Malaysia. Pada takat ini, PSM sudahpun menubuhkan cawangan atau unit di negeri-negeri Semenanjung seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan.

Pada tahun 2011, sebelum berlangsungnya himpunan BERSIH 2.0, PSM telah menjadi dikambinghitamkan oleh kerajaan untuk menyekat rakyat daripada berhimpun menuntut reformasi sistem pilihanraya di negara kita. Semasa mengadakan kempen "Udahlah tu BN, Bersaralah!", rombongan PSM telah dihalang dan ditahan polis. Seramai 30 orang ahli dan penyokong PSM ditahan di Pulau Pinang, antaranya 6 orang ditahan di bawah Ordinan Darurat (EO), mereka digelar EO6. Namun, hasil daripada usaha gigih dalam berkempen untuk pembebasan EO6, 6 orang yang ditahan di bawah EO akhirnya dibebaskan tanpa syarat selepas sebulan. Ini merupakan satu kemenangan untuk perjuangan rakyat.

Kenapa PSM bertanding dalam pilihanraya?

PSM ditubuhkan untuk membawa aspirasi rakyat biasa dalam membina sebuah masyarakat yang lebih bebas, demokratik, adil dan saksama. PSM melibatkan diri dalam pilihanraya untuk membawa aspirasi ini kepada lebih ramai orang lagi.

PSM menawarkan visi politik yang berasaskan analisis kritis terhadap sistem sosio-ekonomi yang sedia ada, perspektif menjamin kepentingan

rakyat terbanyak dan keazaman membina masyarakat yang lebih baik melalui kuasa rakyat dari bawah.

PSM menawarkan calon yang berkualiti, berkaliber, bersih, berani, berprinsip dan berjiwa rakyat.

PSM sudah lama terlibat dalam usaha membina kuasa rakyat untuk perubahan sebenar. Jika adanya calon PSM dipilih sebagai wakil rakyat dalam Parlimen dan DUN, kita

dapat memperhebatkan suara rakyat untuk mendesak penggubalan dasar dan undang-undang yang memenuhi kepentingan rakyat terbanyak.

Dengan hanya seorang sahaja Ahli Parlimen, PSM telah berjaya menawarkan standard tinggi yang patut dimiliki oleh seorang wakil rakyat, termasuk mengisyihar harta setiap tahun, membawa isu rakyat akar umbi, membuat kajian mendalam tentang isu rakyat biasa,

mengemukakan rang undang-undang persendirian yang terbanyak mengenai isu rakyat dan sentiasa bersama rakyat dalam memperjuangkan hak asasi. Bayangkanlah jika kita ada lebih wakil rakyat dalam Parlimen dan DUN, sudah pastinya kita akan dapat memberi semak dan imbang yang lebih berkesan terhadap proses politik berparlimen tidak kira siapa yang menjadi kerajaan.

PSM menawarkan nafas baru kepada politik Malaysia! ##

Dilema pecah undi?

PSM bertanding dalam PRU-14 di beberapa kawasan yang telah buat kerja sebelum ini. PSM ingin menawarkan alternatif yang berpaksikan kepentingan rakyat akar umbi kepada para pengundi supaya adanya pilihan yang lebih baik dalam perubahan masyarakat. PSM menawarkan analisis kritis terhadap sistem kapitalis yang sedia ada dan visi politik yang berbeza daripada parti-parti aliran utama pada masa kini.

Jumlah kerusi yang ditandingi PSM adalah amat kecil berbanding dengan aktiviti-aktiviti atau kerja-kerja yang pernah dibuat oleh PSM di seluruh Semenanjung Malaysia.

Sekj dahulu lagi, PSM mengambil posisi melawan rejim UMNO-BN dan memperjuangkan keadilan sosial untuk rakyat biasa. Namun, semakin dekat dengan pilihanraya, pelbagai tohmahan dan tuduhan yang tidak berasas dan barangkali berniat jahat terhadap PSM, termasuk PSM menerima dedak BN, cuba memecah undi dan membantu dalam membawa kemenangan kepada BN.

Setiap kali pilihanraya, apabila PSM bertekad untuk menawarkan calon yang berkaliber, bersih, berani, berprinsip dan berjiwa rakyat sebagai pilihan terbaik untuk rakyat, akan tetapi dilanda dilema menghadapi pertandingan 3 penjuru dengan parti pembangkang yang lain yang kononnya mahu menukar rejim yang sedia ada.

Isu pertandingan 3 atau pelbagai penjuru

Parti politik yang ingin bertanding secara bersendirian selain daripada dua gabungan parti politik utama, biasanya akan dilabel oleh penyokong pembangkang sebagai pengacau dan dikatakan memecahkan undi pembangkang sehingga menguntungkan parti pemerintah. Persepsi sebegini boleh wujud kerana sistem pengundian di negara kita yang bermasalah.

Pilihanraya di Malaysia mengamalkan sistem majoritarian yang bergelar sistem "undian pemenang undi terbanyak" (*first-past-the-post*) mengikut kawasan pengundian. Sistem pengundian ini memang tidak adil dan mewujudkan situasi di mana pengundi dipaksa memilih antara dua syaitan dengan menentukan mana satu kurang jahat (*lesser evil*), sehingga mana-mana pilihan ketiga atau selebihnya dianggap sebagai pemecah undi yang akan membawa kemenangan kepada parti pemerintah dalam keadaan biasa. Dalam keadaan sedemikian, kita tidak boleh salahkan parti-parti selain daripada dua gabungan parti aliran utama yang hendak tanding dalam pilihanraya, tetapi sistem pengundian kita yang tidak adil ini perlu ditukar dan digantikan dengan sistem yang lebih adil. Pembaharuan sistem pengundian untuk memastikan setiap undi itu bernilai adalah sebahagian yang penting dalam

perjuangan demokratik di negara kita.

Sebelum PSM bertanding dalam PRU-14 ini, sudah pun terjadinya situasi berlaku pertandingan 3 penjuru di kebanyakan kawasan setelah DAP dan PAS berpecah sehingga Pakatan Rakyat (PR) dikuburkan pada tahun 2015. Itu salah siapa? PSM langsung tiada kaitan dengan perpecahan dalam PR, tetapi kini dituduh sebagai parti yang mengakibatkan 3 penjuru. Ini adalah satu tuduhan yang tidak adil terhadap PSM.

Sebelum ini, PSM pernah meminta untuk menyertai PR tetapi itu langsung tidak dilayan. Dalam PRU-13 yang lepas, PSM menghadapi pertandingan 3 atau lebih penjuru di 3 daripada 4 kawasan yang ditandingi, di mana kawasan DUN Kota Damansara yang ditandingi calon PSM dengan logo PKR pun ditigapenjuru oleh PAS yang merupakan komponen PR pada masa itu.

PSM bersedia untuk berbincang tentang membentuk kerjasama pilihanraya (*electoral pact*) di tempat yang ditandinginya untuk mengelakkan pertandingan 3 penjuru yang mungkin akan memberi peluang kepada kemenangan BN, tetapi kesediaan PSM untuk berbincang ini tidak diambil serius oleh parti-parti pembangkang utama yang kononnya mahu menawan Putrajaya. Adanya pihak terus menggunakan hujah lapuk yang mengatakan bahawa PSM angkuh dan tidak mahu serta Pakatan Harapan dan sebagainya. Sebenarnya siapakah yang angkuh?

Sekarang ini Pakatan Harapan sudah pun mengumumkan untuk bertanding di semua kerusi, dan mereka menganggap diri mereka mempunyai hak sepenuhnya untuk meletakkan satu-satu calon pembangkang di semua kawasan. Namun, dalam sesebuah demokrasi, setiap parti berhak untuk bertanding dan bebas untuk membentuk kerjasama atau pakatan dengan mana-mana parti yang lain. Memang rejim UMNO-BN sentiasa mengancam demokrasi di negara kita, kenapa pula gabungan parti pembangkang yang ingin menggantikan rejim yang anti-demokratik ini masih mahu mengamalkan sikap yang anti-demokratik?

Perlu kita faham bahawa, sesuatu parti politik ditubuhkan untuk melibatkan diri dalam proses politik, termasuk pilihanraya. Sesebuah parti politik yang tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam pilihanraya, bagaimanapun seorang pemuzik tidak dapat bermain muzik, ataupun seorang atlet tidak dapat bersukan.

PSM hanya ingin tanding kurang daripada 3% daripada jumlah kerusi. Di lebih 97% kerusi yang lain yang tidak ditandingi PSM, PSM akan menyeru pada pengundi untuk menyokong calon Pakatan Harapan ataupun calon pembangkang bukan BN, dengan syarat calon itu perlu berkualiti.

Bukan semua pertandingan 3 penjuru akan membolehkan BN menang

Hujah bahawa PSM bertanding 3 penjuru dan bertembung dengan calon PH akan membawa kepada kemenangan BN, tidak semestinya boleh digunakan di semua kawasan yang ditandingi PSM.

Misalnya, di kawasan DUN Jelapang, di mana PSM bertanding untuk kali ketiga dalam PRU-14 ini, jumlah undi kepada parti pembangkang (DAP dan PSM) dalam PRU-13 mencapai 80.7%, dan DAP menang besar di DUN Jelapang dengan memperoleh peratusan undi sebanyak 70%. Jadi, sekiranya PSM mengambil separuh daripada jumlah undi kepada pembangkang, iaitu 40%, undi untuk kedua-dua parti pembangkang masih akan jauh lebih tinggi daripada undi yang diperoleh BN. Persoalannya hanyalah antara dua calon parti pembangkang (PSM atau DAP), siapa yang akan jadi ADUN?

Untuk kes di Jelapang juga, yang menariknya adalah calon DAP yang menang besar dalam PRU-12 pada tahun 2008, telah melompat parti tidak sampai setahun dipilih dan menyebabkan Kerajaan Perak jatuh dalam tangan BN semula; calon DAP yang menang dalam PRU-13 di Jelapang pula, menyatakan hasratnya tidak mahu jadi lagi wakil rakyat hanya setahun selepas dipilih menjadi ADUN. Seorang dipilih jadi wakil rakyat dengan perolehan undi yang besar, tetapi pecah amanah dan tiada niat berkhidmat untuk rakyat, kenapa pula pengundi patut mengundinya jika ada pilihan yang lebih baik? Sebaliknya, calon PSM di Jelapang, Saras, walaupun kalah dua kali dalam pilihanraya, tetapi masih membuka pusat khidmat, memberi bantuan kepada rakyat tempatan untuk menyelesaikan masalah mereka, dan berjuang bersama rakyat.

Oleh itu, di kawasan di mana pembangkang mampu meraih undi 70% atau lebih dan boleh menang besar, persoalan pecah undi akan menguntungkan BN memang tidak akan wujud.

Pilihan dalam tangan Pakatan Harapan

Di kawasan di mana bakal menyaksikan pertembungan sengit antara pembangkang dengan BN, seperti Sungai Siput dan Cameron Highlands, PSM bukannya meletakkan calon sebarang untuk bertanding di situ, tetapi calon yang terbukti dengan sejarah perjuangan dan khidmat yang diberikan kepada rakyat di situ. Di kawasan yang mempunyai perbezaan undi yang mungkin sikit ini, memang kita perlu elakkan tiga penjuru.

Sesungguhnya, ramai dalam PH memang sedar bahawa calon PSM

adalah calon yang boleh dipercayai dan sudahpun lama bertapak di situ, kenapa tidak boleh memberi laluan kepada calon PSM untuk bertanding? Impian mutlak Pakatan Harapan adalah menang di peringkat Persekutuan supaya boleh menawan Putrajaya. Jadi, dalam situasi berkemungkinannya berlaku pertarungan 3 penjuru di kawasan yang ditandingi PSM, PH perlu membuat pilihan, sama ada mereka mahu calon PSM menang atau calon BN menang. Jika PH betul-betul serius dalam "gambaran besar" mereka untuk menawan Putrajaya, sememangnya memberi laluan kepada calon PSM untuk bertanding adalah satu pilihan yang paling bijak.

PSM tetap akan mara ke depan

PRU-14 akan menyaksikan pertarungan yang sengit. Sama ada akan berlakunya Tsunami Politik atau tidak, masih susah untuk PH menang, kerana persempadanan semula, penipuan, penyalahgunaan jentera kerajaan untuk kempen, taktik-taktik kotor dan sebagainya akan membantu BN dalam mengekalkan kekuasaannya. Rakyat harus diperkasakan untuk melawan penipuan pilihanraya.

Seperti yang disebut oleh Ahli Jawatankuasa Pusat PSM Arutchelvan dalam satu posting facebook, jika PH kalah dalam pilihanraya kerana penipuan, bolehlah harapkan PSM untuk bersama mereka dalam usaha lawan balik.

PSM berhasrat untuk membawa nafas baru kepada politik negara kita yang dipenuhi dengan hipokrasi, politikus yang tiada pendirian, taktik kotor dan percaturan sekadar untuk permainan politik atasan. Nafas baru ini hanya boleh diperolehi dengan terus membina kuasa rakyat secara bersama dengan masyarakat akar umbi dalam perjuangan yang berterusan. Tiada jalan pintas yang mudah untuk membawa perubahan.

PSM melibatkan diri dalam politik pilihanraya bukannya untuk memberi dedak kepada rakyat dengan wang ataupun janji-janji manis yang bertujuan untuk memperdaya rakyat, sebaliknya PSM berazam untuk memperkasakan rakyat supaya dapat melawan balik dan menuntut semula hak kita. PSM bertekad untuk membawa alternatif yang baru, pemikiran yang baru, dasar yang baru dan cara kerja yang baru, supaya membebaskan rakyat daripada segala bentuk penindasan dan pemerasan. PSM berpendirian bahawa rakyat adalah agen yang terbaik untuk membawa perubahan. Masyarakat kita hanya akan berubah ke arah yang lebih baik dan bersifat kemanusiaan, bukannya melalui pemberian sedekah daripada pimpinan politik kepada rakyat biasa, tetapi melalui cara perjuangan rakyat dari bawah untuk mengembalikan maruah diri dan memartabatkan nilai pembebasan.

Berani berjuang, dan terus mara ke depan. ##



LAWAN KETIDAKADILAN SOSIAL BINA ALTERNATIF SEBENAR

Punca asas kepada masalah masyarakat kita hari ini adalah sistem kapitalis yang berkisar pada keuntungan golongan kapitalis (pemodal). Perkhidmatan awam seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan, bekalan elektrik, air dan sebagainya diswastakan demi keuntungan segelintir kecil golongan kapitalis. Sistem ini telah menimbulkan pelbagai masalah seperti kemiskinan, ketidakadilan sosial, eksloitasi pekerja-pekerja, kemasuhan alam sekitar dan sebagainya. UMNO-BN mendukung sistem sebegini.

Ketidakadilan sosial yang ditunjukkan melalui fenomena jurang kekayaan antara yang kaya dengan yang miskin semakin melebar, merupakan masalah pokok dalam masyarakat kita hari ini. Jurang antara yang kaya dengan yang miskin yang semakin melebar, mendatangkan lagi pelbagai masalah sampingan seperti peningkatan dalam kadar jenayah, tekanan kehidupan dan sebagainya.

Jurang kekayaan wujud kerana pengagihan kekayaan masyarakat yang tidak adil. Ketidakadilan dan

ketidaksaksamaan dalam pengagihan kekayaan pula disebabkan daripada sistem ekonomi kapitalis yang hanya mengutamakan keuntungan golongan kapitalis (pemodal) dan korporat. Proses pengumpulan modal dengan cara mengejar keuntungan tanpa mengira akibatnya, telah menyebabkan kekayaan masyarakat ditumpukan dalam tangan segelintir kecil golongan maha kaya.

Kekayaan masyarakat dihasilkan oleh tenaga buruh yang kebanyakannya daripada masyarakat bawahan dan kelas menengah, tetapi yang membolot sebahagian besar kekayaan ini adalah golongan pemodal yang sebenarnya tidak mengeluarkan apa-apa benda yang berguna kecuali krisis ekonomi. Krisis ekonomi timbul dari masa ke semasa, bukannya kerana kekayaan masyarakat yang dicipta tenaga buruh rakyat biasa itu tidak mencukupi, tetapi oleh sebab wujudnya kelebihan dalam pengeluaran masyarakat sehingga golongan kapitalis tidak tahu lagi bagaimana melaburkan modal mereka dalam perkara-perkara yang berguna untuk masyarakat,

sedangkan sebahagian besar rakyat biasa yang tidak memiliki sumber pengeluaran masih hidup susah.

Golongan kapitalis dan mereka yang mahakaya menyembunyikan kekayaan mereka di tempat berlindung cukai, sehingga memburukkan lagi masalah pengagihan kekayaan yang tidak adil. Yang kaya menjadi semakin kaya, yang miskin terus miskin – inilah akibat sistem ekonomi yang hanya mengutamakan keuntungan dan kepentingan golongan korporat.

Kita perlu menutup jurang antara yang kaya dengan yang miskin, melalui sistem percuakaian yang adil dan progresif. Golongan mahakaya ataupun 1% teratas perlu dikenakan cukai dengan kadar yang lebih tinggi. Sementara itu, kerajaan perlu memperuntukkan lebih banyak dana untuk menyediakan dan mempertingkatkan

perkhidmatan awam seperti pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan sebagainya. Hanya dengan sistem percuakaian yang progresif dan perlindungan sosial yang menyeluruh, kita dapat membina sebuah masyarakat yang lebih maju, makmur dan sejahtera untuk semua.

Kita perlukan alternatif sebenar yang membebaskan rakyat daripada belenggu kemiskinan dan pemerasan yang berterusan. Alternatif ini hanya dapat dibina melalui kuasa rakyat dari bawah.



AGENDA POLITIK PSM

PSM bertekad untuk membawa perubahan sebenar kepada masyarakat kita melalui usaha membina kuasa rakyat dari bawah. PSM memperjuangkan perkara-perkara di bawah:

Keadilan ekonomi

- Pengagihan kekayaan masyarakat yang saksama, supaya segala hasil usaha rakyat dapat dinikmati bersama semua orang.
- Hapuskan cukai GST yang memiskinkan rakyat.
- Tingkatkan cukai progresif terhadap golongan mahakaya.
- Perkenalkan cukai keuntungan modal atau cukai transaksi kewangan, iaitu cukai yang dikenakan ke atas keuntungan daripada urusniaga saham dan derivatif kewangan.
- Ketatkan langkah-langkah dan undang-undang cukai bagi membendung pengelakan cukai daripada golongan mahakaya dan korporat besar.
- Hentikan penswastaan kemudahan asas. Memilikan negara semula perkhidmatan asas dan sumber kekayaan negara yang diswastakan.
- Batalkan perjanjian perdagangan bebas yang menggadai hak rakyat
- Jaminan kerja untuk semua pekerja dengan gaji yang mampu sara hidup secara bermaruah.
- Memperkasakan ekonomi luar bandar.
- Jaminan tanah kepada petani dan penternak untuk melindungi jaminan makanan.
- Perlindungan hak tanah adat untuk masyarakat Orang Asli/Asal.
- Rumah selesa mampu diduduki untuk semua.
- Pendidikan percuma sehingga universiti.
- Perkhidmatan kesihatan awam yang berkualiti.
- Pencen untuk semua warga emas.

Demokrasi sejati

- Demokrasi sejati adalah sistem politik yang menggalakkan penglibatan rakyat biasa dalam proses menentukan halatuju perancangan sosio-ekonomi masyarakat dan kehidupan sendiri. Rakyat biasa dapat menyertai sepenuhnya dalam proses menentukan halatuju masyarakat dan masa depan kehidupan sendiri.
- Mansuhkan undang-undang zalim yang menyekat kebebasan rakyat dan ruang demokrasi.
- Kembalikan pilihanraya kerajaan tempatan supaya rakyat dapat memilih Datuk Bandar dan ahli-ahli majlis tempatan.
- Semua wakil rakyat dan pegawai kerajaan yang dipilih rakyat boleh dilucutkan jawatannya bila-bila melalui proses pengundian.
- Dana awam untuk parti-parti politik.
- Menentukan dasar-dasar penting melalui referendum dan proses perbincangan umum yang meluas.

Kelestarian alam sekitar

- Pembangunan masyarakat yang lestari dapat menjamin keseimbangan ekologi alam sekitar supaya generasi kita akan datang dapat terus hidup dalam persekitaran bumi yang bersih dan selamat.
- Membangunkan tenaga boleh diperbaharui yang bersih dan selamat.
- Memelihara hutan dan melindungi sumber alam.
- Pengangkutan awam yang sepadu, berintegrasi dan menyeluruh.

10 perkara yang anda mungkin tidak tahu tentang PSM

Kadang-kadang adanya orang mempunyai persepsi bahawa PSM parti baru. Ada yang ingat PSM hanya buat beberapa kerja kawasan, lawan penindasan di sana sini, dan langsung tidak ada sumbangan di peringkat nasional. Ramai pula suka ejek PSM sebagai parti nyamuk dan kerja macam NGO. Ada yang merasakan kewujudan PSM tidak relevan langsung dan mendesak PSM supaya gulung tikar. Di sini kami menyenaraikan 10 perkara yang anda mungkin tidak tahu tentang PSM.

1

Berjuang 10 tahun untuk pendaftaran

Tahukah anda bahawa PSM mengambil masa selama 10 tahun sebelum didaftarkan sebagai sebuah parti politik? Kenapa? Ini kerana PSM adalah sebuah parti yang disertai oleh aktivis daripada tiga buah organisasi masyarakat (iaitu SWP, CDC dan Alaigal), mempunyai sejarah dalam memperjuangkan isu-isu rakyat biasa. Menteri Dalam Negeri pada masa PSM menyerahkan permohonan untuk pendaftaran, Abdullah Ahmad Badawi, memberi alasan bahawa PSM adalah satu ancaman kepada keselamatan negara. PSM kemudiannya menjadi parti politik yang pertama dalam sejarah Malaysia untuk mengheret kerajaan ke mahkamah kerana tindakan kerajaan telah mencabul kebebasan berpersatuan.

**2**

Satu-satunya parti yang gigih perjuangkan pelaksanaan Gaji Minimum & Tabung Henti Kerja

Tahukah anda bahawa PSM telah memainkan peranan utama dalam memastikan Akta Gaji Minimum dilaksanakan untuk semua pekerja pada hari ini. Sejak tahun 2013, pekerja di Malaysia diwajibkan untuk dibayar gaji minimum RM 900, dan bermula tahun 2016, paras gaji minimum telah dinaikkan ke RM 1000 untuk Semenanjung dan RM 920 untuk Sabah dan Sarawak. Ramai yang tidak tahu bahawa kumpulan yang memainkan peranan paling penting dalam memperjuangkan Akta Gaji Minimum selain MTUC adalah PSM. PSM telah melancarkan kempen sejak tahun 2003 melalui JERIT, di mana JERIT bersama PSM telah menghantar lebih 50,000 poskad menuntut Akta Gaji Minimum ke Parlimen dalam satu aksi massa pada 21 September 2006 dan telah menyerahkannya kepada Perdana Menteri masa itu Abdullah Ahmad Badawi di Parlimen. PSM melancarkan dan menggerakkan kempen tanpa mengenal penat. Banyak forum, demonstrasi besar-besaran, piket umum di seluruh negara dan 'roadshow' telah diadakan sehingga Akta Gaji Minimum menjadi realiti pada hari ini dan dapat dinikmati semua orang. Bukan sekadar itu saja, PSM juga adalah satu-satunya parti politik yang memperjuangkan Tabung Pemberhentian Kerja. Adalah bangga untuk PSM mengatakan pada hari ini, bahawa apa yang dituntut telah menjadi satu akta dipanggil Sistem Insurans Pekerjaan.

**3**

Parti pertama menentang GST

Tahukah anda bahawa PSM adalah parti yang pertama menentang pelaksanaan GST? Protes pertama kali membantah GST telah diadakan seawal tahun 2004, empat tahun sebelum PSM didaftarkan sebagai sebuah parti politik. Sehingga kini, PSM masih kekal sebagai parti politik yang paling tersusun dan paling berani serta mengambil tindakan radikal dalam menentang GST, dengan aksi kemuncak lebih 100 aktivis menduduki Bangunan Kastam seminggu sebelum pelaksanaan GST pada 23 Mac 2015. Seramai 79 orang yang ditahan semasa aksi membantah GST di Kompleks Kastam Kelana Jaya didakwa di mahkamah. Daripada 79 orang ini, seramai 44 orang adalah ahli PSM. PSM parti kecil tetapi ramai ahlinya terlibat dalam aksi langsung ini.

**4**

Perintis perjuangan perumahan pekerja ladang

Tahukah anda bahawa parti yang mempunyai kejayaan tertinggi dan sukar ditandingi oleh parti politik lain dalam penyelesaian masalah perumahan pekerja perladangan adalah PSM? Perjuangan PSM dalam hak-hak perumahan untuk pekerja perladangan telah membolehkan pekerja-pekerja ini memperolehi rumah kediaman dan tanah secara percuma. Yang paling utama, hari ini telah wujud polisi di peringkat kebangsaan yang menyatakan bahawa pekerja tidak boleh diarahkan keluar sebelum isu kediaman mereka diselesaikan. Ini adalah satu kejayaan besar untuk masyarakat pekerja ladang.



5

Paling konsisten dalam mempertahankan sistem kesihatan awam

Tahukah anda bahawa PSM memegang rekod sebagai parti yang memainkan peranan secara berterusan dalam memperjuangkan isu penjagaan kesihatan awam? Pada 23 Disember 2004, PSM telah menggerakkan 81 organisasi dan ratusan orang untuk melakukan protes terhadap penswastaan dispensari hospital kerajaan. Pada 4 Disember 2004 sebelum itu, Menteri Kesihatan masa itu Chua Soi Lek telah mengumumkan bahawa kerajaan akan menswastakan perkhidmatan dispensari di hospital kerajaan bermula tahun 2005, tetapi disebabkan protes besar-besaran oleh PSM, cadangan itu telah dihentikan. Selain itu, PSM juga menubuhkan satu gabungan yang dipanggil Gabungan Menentang Penswastaan Perkhidmatan Kesihatan (GMPPK). Antara kempen yang dilakukan oleh GMPPK adalah protes terhadap rancangan mewujudkan sayap swasta dan Skim Pesakit Bayar Penuh di hospital kerajaan. PSM juga menjadi parti pertama yang mengheret kerajaan ke mahkamah apabila kerajaan ingin menaikkan caj perubatan untuk pekerja migran ke 300% kerana langkah tersebut adalah langkah yang akan memudaratkan kesihatan awam bagi seluruh negara. PSM kekal sehingga hari ini sebagai parti yang paling konsisten dalam memperjuangkan isu kesihatan awam dan menentang konsep pelancongan kesihatan yang menjadikan kesihatan sebagai satu bentuk perniagaan.

**6**

Perjuangkan sistem pengangutan awam yang lebih baik

Pada 3 November 2012, PSM menjadi parti pembangkang yang pertama untuk menganjurkan Forum Kebangsaan untuk Pengangkutan Awam di Malaysia yang telah diuruskan melalui satu jawatankuasa kerja bersama yang diselaraskan oleh PSM. Gabungan ini dipanggil Kumpulan Kerja untuk Pengangkutan Awam di Malaysia, merangkumi organisasi-organisasi seperti CETDEM, TRANSIT, Damai Association, KL Selangor Assembly Hall, PBPM dan SABM. Pada tahun 2015, satu memorandum telah dihantar kepada SPAD untuk memberi cadangan bagi penambahbaikan sistem pengangkutan awam di Malaysia.

**7**

Dasar komprehensif tentang pekerja migran

Tahukah anda dalam persoalan pekerja migran, PSM telah menerajui usaha untuk mendalami isu ini ketika parti politik lain hanya merungut tentang situasi ini tanpa berbuat apa-apa? Pada 4 Ogos 2016, Gabungan Menuntut Hak Pembelaan untuk Pekerja Migran (*Right to Redress Coalition*), satu usahasama yang dimulakan dan dibentuk oleh PSM, telah menganjurkan siri perbincangan meja bulat dengan berbagai pihak yang terlibat dalam isu ini dan dihoskan oleh Jabatan Pengajian Pembangunan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya. Inisiatif ini telah menghimpunkan wakil-wakil daripada pihak kerajaan, majikan dan pekerja, kedutaan negara yang berkaitan, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan organisasi-organisasi masyarakat. Cadangan paling signifikan adalah motif keuntungan seharusnya dielakkan semasa pengambilan dan pengurusan buruh migran. Pengambilan sepatutnya berdasarkan keperluan tenaga kerja negara yang sebenar, seharusnya mengutamakan tenaga kerja tempatan, dan juga lain-lain sumber buruh yang sedia ada, termasuk buruh tanpa dokumen dan juga pelarian. Sehingga hari ini, laporan ini kekal sebagai laporan paling komprehensif dalam mengetengahkan isu migran di Malaysia.

**8**

Pelan induk tentang perdagangan antarabangsa yang lebih adil

PSM mungkin adalah satu-satunya parti yang mempunyai polisi dan "pelan induk" (*blueprint*) tentang perdagangan antarabangsa. PSM dengan kerjasama organisasi-organisasi lain, telah menentang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat. Baru-baru ini, PSM telah memulakan usaha melakar Piagam Rakyat Mengenai Perjanjian Perdagangan Antarabangsa (*People's Charter on International Trade Agreements*). PSM menegaskan

pendiriannya bahawa akan berjuang melawan segala perjanjian perdagangan yang tidak adil dan hanya menguntungkan syarikat-syarikat besar, termasuk perjanjian perkongsian ekonomi serantau yang akan menggantikan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tajaan Amerika Syarikat. Kebanyakan parti politik lain hanya mementingkan pelaburan luar (FDI), tetapi PSM melihat perkara ini melalui sudut kemanusiaan.

9

Pengisytiharan harta wakil rakyat setiap tahun

Tahukah anda, satu-satunya ahli parliment PSM, iaitu Dr Jeyakumar Devaraj, memegang rekod pengisytiharan harta selama 10 tahun berturut-turut? Dr. Jeyakumar mungkin satu-satunya ahli parliment yang paling banyak mengemukakan usul ahli persendirian di Dewan Rakyat berkeraan banyak isu seperti isu tanah, jaminan makanan, pertukaran, akta perhubungan industri, akta keterangkuman sosial dan sebagainya. Beliau juga telah mengemukakan usul tergempar berkeraan keperluan bantuan kemanusiaan di Rohingya. Pada tahun 2008, ahli majlis tempatan dari PSM juga mengisytihar harta, menjadikan PSM sebagai satu-satunya parti politik yang mensyarakatkan semua ahli majlisnya juga mengisytihar harta.

**10**

Jaguh perjuangan untuk hak perumahan

PSM sering kelihatan menerajui perjuangan untuk hak perumahan. Pengerusi PSM, Dr Nasir Hashim, adalah orang yang memperkenalkan istilah "Peneroka Bandar", sebagai alternatif kepada gelaran "setinggan" yang digunakan oleh kerajaan dan pemaju. PSM telah berjuang dengan berjaya untuk menyelamatkan rumah-rumah kediaman golongan miskin dan membantu mereka mendapatkan tanah dan rumah gantian. PSM juga membentuk gabungan untuk memperjuangkan hak perumahan dan rumah mampu milik. Hari ini, sekiranya berlaku pengusiran, tidak kiralah orang asli, petani, peniaga kecil, PSMLah yang dicari untuk membantu.

**BONUS**

PSM adalah parti politik yang pertama di Malaysia yang menentang penggunaan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga alternatif.

PSM juga mempunyai satu jaringan untuk meningkatkan kebajikan dan taraf hidup penduduk rumah pangsa kos rendah.

Pemuda PSM memainkan peranan penting dalam menerajui Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma (GMPP).

Selain itu, PSM juga mempunyai analisis mengenai perusahaan kecil dan sederhana (SME) dan menangani isu lelong rumah yang dihadapi golongan berpendapatan rendah. ##

Kenali calon-calon PSM

PSM menawarkan calon-calon yang berkualiti, berkaliber, bersih, berani, berprinsip dan berjiwa rakyat.

Dr. Jeyakumar Devaraj Parlimen Sungai Siput

- Lebih dikenali sebagai **Dr. Kumar**.
- Ahli Parlimen Sungai Siput sejak tahun 2008 apabila menang dalam PRU-12 dan kemudiannya PRU-13.
- Bertanding di kawasan Parlimen Sungai Siput sejak tahun 1999.
- Doktor pakar paru-paru graduan Universiti Malaya.
- Mula melibatkan diri dalam perkhidmatan komuniti semasa belajar di Universiti Malaya. Setiap cuti semester, beliau akan melawat ke ladang di Sungai Siput untuk mendekati diri dengan masyarakat tempatan, dan melakukan aktiviti seperti memberi tuisyen percuma kepada anak-anak pekerja ladang di situ.
- Pengasas bersama kumpulan Alaigal, satu organisasi masyarakat akar umbi.
- Salah seorang pengasas PSM.
- Ahli Parlimen yang pertama dalam mengisyihar harta, dan beliau telah mengisyihar harta selama 10 tahun berturut-turut, sesuatu yang belum pernah lagi dilakukan oleh mana-mana ahli parlimen yang lain.
- Ahli Parlimen yang pertama memfailkan kes di mahkamah untuk semakan kehakiman berkenaan dengan peruntukan khas untuk kawasan Parlimen yang tidak pernah diperoleh ahli parlimen daripada parti pembangkang.



Suresh Kumar Parlimen Cameron Highlands

- Ahli Jawatankuasa Pusat PSM dan Setiausaha Cawangan Cameron Highlands.
- Graduan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik).
- Menguruskan perniagaan menjual dan membaiki komputer di Cameron Highlands.
- Menjalankan kelas tuisyen untuk pelajar sekolah menengah di Cameron Highlands sehingga sekarang.
- Mula bergiat sebagai aktivis PSM dan memberi khidmat kepada rakyat di Cameron Highlands sejak tahun 2004.
- Telah menangani lebih 400 kes di Cameron Highlands sepanjang 14 tahun lepas.
- Pernah terlibat dalam kempen tempatan, seperti bantahan terhadap jalan sehala di Brinchang (mengumpul tandatangan daripada 500 orang penduduk dan menyerah memorandum kepada pihak berkuasa), mengumpul 1000 tandatangan penduduk Ringlet dan Lembah Bertam untuk mendesak Menteri Kerja Raya supaya menurap semula Jalan Tapah-Ringlet.
- Menubuhkan Jawatankuasa Tanah, Rumah dan Gerai (JTRG) untuk memperjuangkan hak untuk rakyat biasa di Cameron Highlands. JTRG berjaya mendapatkan hakmilik tanah pertanian selama 20 tahun untuk 4 pekebun di Blue Valley, hakmilik tanah perumahan 99 tahun untuk seorang penduduk di Ringlet, sementara 12 buah keluarga lagi sedang menunggu kelulusan untuk hakmilik tanah kecil daripada Kerajaan Pahang seperti yang dijanjikan selepas JTRG mengadakan aksi protes.
- Berjaya memberhentikan perobohan beberapa kebun kecil di Blue Valley semasa berlakunya Ops Gading pada tahun 2015.
- Bersama dengan Jawatankuasa Bertindak Orang Asli (OA) Pos Lanai dalam usaha mempertahankan tanah adat mereka daripada ancaman pembinaan Empangan Telom.
- Pernah terlibat dalam perjuangan nasional seperti Gerakan Mansuh ISA, kempen Bantah GST dan sebagainya.
- Menubuhkan Jawatankuasa Rumah Mampu (JRM) yang berjaya mendesak Jabatan Perdana Menteri bersetuju untuk membina 100 buah rumah mampu di Ringlet dan Tanah Rata.
- Bersuara lantang dalam mengkritik pihak berkuasa atas kegagalan mereka melindungi kepentingan rakyat biasa.

Sarasvathy DUN Jelapang (Perak)

- Lebih dikenali sebagai **Saras**.
- Graduan kursus juruteknologi makmal perubatan dari Institute for Medical Research (IMR) di Kuala Lumpur.
- Melibatkan diri dalam kerja-kerja komuniti sejak berumur 16 tahun lagi.
- Pernah aktif dalam gerakan Young Christian Workers (YCW) yang memainkan peranan penting dalam organisasi komuniti dan gerakan pekerja, terutamanya mengorganisasi pekerja tekstil di



- Perak.
- Salah seorang pengasas Alaigal, sebuah organisasi yang memperjuangkan hak untuk masyarakat tertindas.
- Salah seorang pengasas PSM pada tahun 1998. Menyandang jawatan Timbalan Pengerusi Nasional PSM sejak parti ditubuhkan.
- Pernah terlibat dalam gerakan wanita.
- Bertanding untuk kerusi DUN Jelapang dalam Pilihanraya 2008 dan 2013. Walaupun beliau tidak menang dalam pilihanraya, beliau terus berkhidmat secara konsisten untuk masyarakat tanpa apa-apa jawatan, di kawasan DUN Jelapang mahupun seluruh Malaysia.
- Bergiat aktif dalam Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan Di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia untuk menggerakkan kempen menghapuskan sistem kerja kontrak yang memiskinkan pekerja di seluruh Malaysia.
- Pernah ditahan di bawah Ordinan Darurat (EO) bersama dengan 5 orang ahli PSM yang lain pada tahun 2011. Mereka dikenali sebagai EO6. Hasil daripada kebangkitan rakyat, keenam-enam tahanan termasuk Saras telah dibebaskan tidak lama kemudian.
- Sentiasa berada di barisan hadapan dalam organisasi masyarakat tertindas seperti pekerja ladang, peneroka bandar, pekerja kilang dan memperjuangkan pelbagai isu kebajikan rakyat jelata.
- Mendapat anugerah "Pejuang Wanita Terbaik" oleh Semparuthi Publications pada tahun 2011.
- Mendapat Anugerah Hak Asasi Antarabangsa "Yayori Award", satu pengiktirafan antarabangsa yang dianugerahkan dari Jepun, atas penglibatan beliau dalam kerja-kerja sosial selama ini dan berikutnya penahanannya di bawah Ordinan Darurat pada tahun 2011.

Khairul Nizam DUN Kota Lama (Kelantan)

- Lebih dikenali dengan nama panggilannya **Aduka**.
- Ahli Jawatankuasa Pusat PSM, dan juga Pengerusi PSM Kelantan.
- Dilahirkan dengan pelbagai bakat. Pernah jadi wakil dalam Mini Parlimen Malaysia ketika berusia hanya 10 tahun.
- Sentiasa lantang bersuara menyuarakan mereka yang berkuasa.
- Pernah mengasaskan gerakan PAS Reform, satu usaha pembaharuan untuk parti islamik tersebut seawal sebelum penubuhan Parti Amanah oleh pemimpin daripada serpihan PAS.
- Bergiat aktif sebagai aktivis ROYALTI, gerakan menuntut kembalikan royalti minyak petroleum untuk Kelantan.



S. Arutchelvan

DUN Semenyih (Selangor)

- Lebih dikenali sebagai **Arul**.
- Seorang pejuang rakyat yang giat berjuang bersama rakyat, tanpa mengira agama dan kaum, sejak tahun 1980-an.
- Graduan jurusan ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Pengasas Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa/i di UKM, yang kemudiannya membawa kepada penubuhan Pusat Pembangunan Masyarakat (CDC) di Kajang.
- Memainkan peranan penting dalam pembentukan Jawatankuasa Sokongan Masyarakat Ladang (JSML) yang telah berjaya dalam perjuangan gaji bulanan pekerja ladang.
- Penggerak utama dalam pembentukan Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) yang memperjuangkan hak rakyat tertindas dari semua lapisan masyarakat. JERIT telah berjaya dalam beberapa kempen penting seperti Kempen Gaji Minimum, Tabung Pemberhentian Pekerja dan Kempen Perumahan untuk Peneroka Bandar.
- Pernah bergiat dalam kempen hak asasi manusia, terutamanya dalam Gerakan Mansuh ISA yang dimulakan pada tahun 2001, Kempen Bantah Kematian dalam Tahanan Polis, Penyelaras Kempen Anti-Empangan Bakun, Kempen Anti-Insinerator Broga dan Kempen Bantah Akta Hasutan.
- Salah seorang pengasas Parti Sosialis Malaysia pada tahun 1998.
- Bertanding dua kali di kawasan DUN Semenyih, iaitu pada tahun 2008 dan 2013. Walaupun kalah dalam kedua-dua kali pilihanraya, Pusat Khidmat PSM di Semenyih yang dipimpin Arul masih sangat aktif dan mengendalikan serta menyelesaikan banyak kes.
- Pada tahun 2017, berjaya menyelesaikan perjuangan perumahan 3 ladang di Semenyih dengan rumah percuma bagi pekerja ladang.
- Memainkan peranan penting dalam perjuangan perumahan Kampung Berembang di Ampang, di mana semua peneroka yang berjuang akhirnya mendapat rumah percuma.



K. Kunasekaran

Parlimen Batu Gajah

- Lebih dikenali dengan panggilan nama Segar.
- Ketua Biro Undang-undang PSM.
- Giat melibatkan diri dalam aktivisme sejak tahun 1985 lagi.
- Seorang aktivis yang sentiasa bersama masyarakat, membantu dalam isu petani, pekerja ladang, pekerja kilang dan pelbagai isu kebajikan rakyat.
- Demi menolong rakyat yang kurang pengetahuan dalam hal ehwal undang-undang, Segar melanjutkan pengajian dalam bidang undang-undang di Universiti Malaya sambil meneruskan kerja-kerja sosial. Beliau lulus dalam Sijil Amalan Undang-undang (CLP) dan kini berkhidmat sebagai Pembantu Guaman di Firma Lek Choy & Co, Ipoh.
- Pernah bertanding di kawasan DUN Calon sebagai calon PSM yang meminjam logo PKR dalam Pilihanraya Umum 2004.



Bawani

DUN Malim Nawar (Perak)

- Timbalan Setiausaha Agung Parti Sosialis Malaysia (PSM).
- Menjadi popular di kalangan pelajar dan anak muda kerana video viral "Listen, Listen, Listen" yang disebar luas pada tahun 2013.
- Graduan Sarjana Muda Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam jurusan Sains Sosial (Psikologi), selepas itu mendapat ijazah Sarjana Muda kedua di Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam jurusan undang-undang.
- Berkhidmat sebagai peguam di bandar Kampar, mengedalikan kebanyakan kes yang melibatkan rakyat biasa, termasuk kes-kes petani dan penternak dari Malim Nawar, Kuala Kampar, Tanjung Tualang, Mambang Di Awan yang menghadapi masalah pengusiran paksa.
- Mula terlibat dalam aktivisme semasa belajar di UKM, apabila menyertai Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa/i (JKMI).
- Pernah menyandang jawatan Ketua Pemuda PSM.

Sivarajan Arumugam

DUN Kota Damansara (Selangor)

- Setiausaha Agung Parti Sosialis Malaysia (PSM).
- Salah seorang pengasas PSM, dan juga perintis PSM Cawangan Subang yang ditubuhkan pada tahun 1998. Pernah menyandang jawatan Bendahari Nasional PSM dari tahun 1998 hingga 2015.
- Graduan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Kimia.
- Merupakan aktivis pelajar semasa mengaji di UKM pada tahun 1991-1994, dan menganggotai Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa/i (JKMI).
- Salah seorang pengasas Pusat Pembangunan Masyarakat (CDC) pada tahun 1992 dan Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) pada tahun 2002. Pernah menjadi penyelaras Gabungan Peneroka Bandar dan Perumahan JERIT.
- Setiausaha kepada Dr. Nasir Hashim semasa beliau menyandang jawatan ADUN Kota Damandara.
- Pernah dilantik sebagai Ahli Majlis untuk Majlis Bandaraya Shah Alam, 2008-2013. Mengisyithar harta setiap tahun semasa menjadi Ahli Majlis.
- Penyelaras Gabungan Membantah TPPA. Memainkan peranan penting dalam kempen menentang perjanjian perdagangan bebas yang mengancam kepentingan rakyat.
- Berjuang bersama pekerja Ladang Brooklands selama 13 tahun sehingga berjaya mendapatkan rumah teres untuk pekerja ladang.



Chin Kwai Leong

DUN Menglembu (Perak)


- Bendahari PSM Cawangan Menglembu.
- Peniaga yang berasal dari Batu Gajah.
- Graduan dari National Taipei Institute of Technology (sekarang dikenali sebagai National Taipei University of Technology), Taiwan, dalam Jurusan Kejuruteraan Elektronik.
- Salah seorang pengasas Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak.



Chin Kwai Heng

DUN Tronoh (Perak)

- Garduan jurusan Pengajian Perniagaan (Perakaunan) di La Trobe University, Australia.
- Salah seorang pengasas Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak.
- Melibatkan diri dalam perjuangan PSM Batu Gajah sejak tahun 2015.





Rani Rasiah DUN Buntong (Perak)

- Ahli Jawatankuasa Pusat PSM.
- Salah seorang pengasas PSM.
- Salah seorang pengasas Alaigal.
- Menganjurkan pusat bimbingan percuma di ladang-ladang sekitar kawasan Sungai Siput pada awal 1990-an.
- Berperanan penting dalam perjuangan penduduk Kampung Chekkadi, Kampung DBI Buntong dan sebagainya.

- Merupakan Penyelaras Meja Migrant PSM dan terlibat secara langsung dalam usaha membela hak pekerja migran melalui penubuhan Gabungan Menuntut Hak Pembelaan.
- Terlibat dalam usaha memperjuangkan hak pekerja kontrak yang berkhidmat di sekolah kerajaan.
- Berperanan dalam mengorganisasi Gabungan Pemandu Lori Perak.

Teh Yee Cheu DUN Sg Pinang (Pulau Pinang)

- Pernah dipilih sebagai ADUN Tanjung Bungah (2008-2018) di Pulau Pinang.
- Sentiasa lantang bersuara mengkritik dan menentang tindakan yang menjelaskan kepentingan rakyat biasa dan alam sekitar.



Shanmugasundram DUN Pelabuhan Klang (Selangor)

- Pengurus PSM Cawangan Klang.
- Seorang pemandu Grab, pernah bekerja sebagai pemandu lori, kerani, pekerja hospital dan pembantu logistik.
- Menyertai PSM sejak tahun 2012, selepas beliau dibela PSM apabila dibuang kerja secara tidak sah akibat daripada pemangsaan oleh majikan.
- Telah mengendalikan pelbagai kes rakyat biasa. Membantu rakyat marhaen dalam menangani isu-isu rumah, pekerja dan permohonan bantuan kebajikan.

Mat Nor Ayat DUN Jelai (Pahang)

- Berasal dari Pos Lanai, Sungai Koyan, Kuala Lipis
- Terlibat dalam perjuangan masyarakat Orang Asli menentang Empangan Telom di Pos Lanai.
- Membantu penduduk Orang Asli di sekitar kawasan DUN Jelai dengan mengorganisasi penduduk dalam menangani masalah-masalah seperti pembalakan, perlombongan dan pembukaan ladang.
- Menolong dalam kerja-kerja kebajikan Orang Asli sekitar DUN Jelai.



PSM parti untuk B40 saja?

Dalam kaca mata ramai orang di Malaysia, PSM ini hanya parti politik yang memperjuangkan kepentingan golongan B40 sahaja. Bagaimana pula dengan M40 dan yang lain? Kenapa rakyat kelas menengah yang lain patut menyokong PSM?

B40 ialah 40% rakyat yang terbawah dalam masyarakat. Golongan B40 mengalami kehidupan yang susah akibat daripada pendapatan yang rendah dan pemerasan yang berterusan daripada sistem kapitalis. Masyarakat pekerja ladang, peneroka bandar, pekerja kontrak, Orang Asli dan sebagainya, merupakan komponen utama dalam golongan B40. Pelaksanaan dasar neo-liberal seperti sistem penyumberan luar (*outsourcing*) tenaga kerja yang menjadikan pekerja yang pada asalnya diupah sebagai pekerja tetap dijadikan pekerja kontrak yang tiada jaminan kerja, memiskinkan lagi golongan B40.

Memang sepanjang sejarah sejak penubuhannya, PSM menumpukan banyak usaha untuk memperkasakan rakyat bawahan dalam perjuangan menuntut hak dan kesejahteraan hidup mereka. PSM telah memainkan peranan penting dalam mengorganisasikan dan memobilisasi rakyat daripada golongan B40 untuk membawa tuntutan mereka ke hadapan.

Menumpukan usaha dalam memperjuangkan kepentingan golongan B40 tidak bermakna PSM tidak mengendahkan masalah yang dihadapi oleh kelas menengah.

Kemajuan sebenar sesebuah masyarakat bukan diukur melalui betapa tingginya pencapaian golongan

yang terkaya ataupun berapa buah bangunan cakar langit yang didirikan, tetapi diukur melalui bagaimana golongan bawahan yang terpinggir itu dilayan. Jika sesebuah masyarakat masih adanya orang yang hidup dalam papa kedana, tiada gunanya untuk kita bangga tentang berapa orang mahakaya di negara kita berada di tangga teratas dalam senarai orang terkaya ataupun betapa mewahnya rumah dihuni oleh golongan mahakaya ini.

PSM memperjuangkan keadilan sosial, di mana setiap rakyat dapat dilayan dengan baik dan hidup sejahtera tanpa mengira latar belakangnya. PSM memperjuangkan pengurangan jurang antara yang kaya dengan yang miskin, dengan memperkasakan golongan bawahan untuk menuntut perubahan sebegini. Hanya dengan jurang kekayaan dikurangkan dengan dasar-dasar sosio-ekonomi yang progresif, barulah masyarakat kita dapat mencapai tahap kemajuan yang tinggi dan semua rakyat dapat menikmati hasil kemajuan ini. Jikalau tidak, masyarakat kita akan berada dalam keadaan "apartheid ekonomi", iaitu golongan yang miskin semakin terpisah dan diasingkan daripada masyarakat yang didominasi oleh golongan mahakaya.

Sekiranya masyarakat kita masih wujudnya ketidaksamarataan yang serius dan ramai rakyat hidup susah, bolehkah seorang daripada kelas menengah atas yang menikmati kekayaan itu hidup dengan tenang? Tidakkah dia akan sentiasa takut dirinya dirompak atau barang kepunyaannya dicuri oleh orang yang

terdesak untuk mendapatkan kekayaan? Pada hakikatnya, mereka yang menjadi mangsa kepada jenayah yang diakibatkan oleh ketidaksamarataan ekonomi juga biasanya golongan kelas menengah dan bawahan yang tidak mampu melindungi diri mereka dengan mengupah pengawal peribadi atau memasang sistem kawalan keselamatan yang canggih di rumah mereka.

Oleh itu, kesusahan yang dialami golongan bawahan akan memberi impak juga kepada kehidupan golongan kelas menengah juga.

Satu lagi contoh, jikalau bukannya keadaan sosio-ekonomi yang lebih teruk di negara asal, tidak mungkin adanya ramai pekerja migran datang mencari nafkah di Malaysia, sehingga mewujudkan persaingan sesama pekerja yang mengekalkan gaji yang rendah untuk semua pekerja. Jika dapat hidup selesa di negara asal sendiri, tiada keperluannya untuk seseorang itu merantau jauh demi mencari nafkah, kecuali dia tertarik sangat dengan kecantikan alam dan keharmonian masyarakat di negara kita.

Jadi, untuk selesaikan masalah masyarakat secara keseluruhan, kita perlu menanganinya dari akar umbi. Fokus pada usaha memperkasakan golongan bawahan akan dapat membantu dalam memajukan masyarakat kita untuk kepentingan semua dan memastikan hak rakyat



dilindungi.

Sementara itu, selain berjuang untuk isu-isu yang berkait rapat dengan golongan bawahan, PSM juga berusaha dalam membawa kempen-kempen yang dapat memanfaatkan lapisan masyarakat yang lebih luas termasuk golongan kelas menengah, seperti mempertahankan sistem kesihatan awam kita supaya dapat diakses semua rakyat, menuntut pengembalian pilihanraya tempatan supaya semua rakyat dapat menentukan siapa yang akan membentuk kerajaan tempatan, memperjuangkan pencegahan warga emas untuk semua rakyat, memperjuangkan dasar perumahan yang memastikan seseiap yang memerlukan rumah untuk tinggal adanya rumah, dan sebagainya.

PSM bukan sahaja memperjuangkan kepentingan golongan B40, tetapi juga memperjuangkan kepentingan bersama rakyat terbanyak yang sedang diancam oleh kekuasaan yang terlalu tertumpu dalam tangan golongan 1% mahakaya. ##

Gambaran yang lebih besar lagi...

oleh Dr. Jeyakumar Devaraj

Menjelang PRU-14 ini, ramai rakyat Malaysia, khususnya mereka yang tinggal di kawasan bandar, merasakan bahawa perubahan kerajaan pemerintah berkemungkinan besar akan berlaku. Ada di kalangan penyokong pembangkang mendesak PSM supaya jangan “wujudkan pertandingan tiga penjuru” dan melihat pada “gambaran besar” perubahan rejim serta tunduk pada Pakatan Harapan (PH). Ini bermakna bahawa PSM perlu menggugurkan semua calonnya, kecuali saya seorang yang akan dibenarkan oleh PH untuk bertanding di Sungai Siput dengan logo PKR.

Kepada kawan-kawan dan penyokong-penyokong kami yang mendesak PSM untuk mengambil tindakan sebegini, saya ingin mengetengahkan 3 fakta.

Yang pertama, senario pertarungan 3 penjuru itu diwujudkan oleh PH sendiri apabila mereka terus membahagikan kerusi untuk ditandingi di kalangan mereka dari awal lagi. PSM yang telah menyatakan sejak tahun 2011 bahawa kami ingin bekerjasama dengan Pakatan Rakyat (yang masih wujud pada masa itu) untuk membawa perubahan kerajaan, tidak pernah dijemput untuk sebarang rundingan kerusi. Akibatnya, di mana PSM akan bertanding pun, pastinya akan berlaku pertarungan 3 penjuru. Adakah adil untuk menyatakan bahawa PSM “mewujudkan” situasi sebegini?

Perkara kedua, perkara yang lebih penting adalah, apa yang akan berlaku pada agenda Reformasi selepas PRU-14? Saya berpandangan bahawa, gambaran yang lebih besar lagi di mana rakyat mahukan perubahan yang sebenar itu perlu diambil kira. Bolehkah Pakatan Harapan, yang sedang melakukan sebegini banyak kompromi secara taktikal, dalam posisi yang baik untuk memastikan agenda pembaharuan itu benar-benar berlaku, atau adakah perlunya untuk parti politik yang lain untuk membantu dalam menggerakkannya?

Membaca Manifesto PH mungkin akan memberi kita sedikit bayangan:

- Tidak disebut langsung tentang pilihanraya majlis tempatan;
- Nampaknya berundur dalam meperjuangkan pendidikan percuma sampai peringkat universiti;
- Dasar berdasarkan kaum nampaknya sedang dikembalikan;
- Beberapa dasar ekonomi PH mempunyai cita rasa neoliberal yang kuat.

Namun, jangan salah anggap tentang pandangan saya. PSM menyeru pada rakyat Malaysia untuk menyokong PH dalam PRU-14, kecuali di beberapa kerusi yang ditandingi PSM, iaitu setakat ini adalah 5 daripada 222 kerusi Parlimen dan 12 daripada 545 kerusi DUN. PH masih boleh dianggap pilihan yang lebih baik sikit antara dua pilihan utama yang ada pada masa kini.

Akan tetapi, rakyat Malaysia yang mahu melihat politik kita bergerak maju menuju ke arah yang lebih sihat perlu

bertanya pada diri mereka sendiri, adakah PH akan dapat membawa apa yang kita harapkan hanya melalui mereka sendiri? Atau adakah perlunya sebuah parti seperti PSM untuk sentiasa mengingatkan kita bahawa:

- Kemiskinan di Malaysia tidak boleh ditangani secara menyeluruh tanpa menangani masalah pemindahan keuntungan yang lumayan oleh 500 syarikat multinasional terkaya di dunia yang menguasai “rangkaian dunia”;
- Kita perlu menolak Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang mahu kita semua percaya bahawa kemiskinan di negara-negara sedang membangun adalah disebabkan “produktiviti” kita yang rendah. PSM adalah satu-satunya parti politik di Malaysia yang cuba mengetengahkan isu bahawa terdapatnya masalah dalam cara mengira produktiviti pekerja di negara kita. Misalnya, harga jualan cip elektronik yang dikeluarkan di Bayan Lepas adalah lebih kurang satu per lima daripada harga jualan cip yang serupa tetapi dikeluarkan di California. Berasaskan formula yang ada sekarang, “produktiviti” pekerja California adalah 5 kali ganda lebih tinggi berbanding pekerja Malaysia, untuk produk yang sama, dan jumlah output yang sama! Kedudukan oligopolistik MNC membolehkan mereka menekan harga barang yang disubkontrak keluar oleh mereka kepada negara kita dan negara-negara dunia ketiga yang lain. Jadi, masalah pokoknya bukan produktiviti tetapi terlalu banyak kekuasaan pasaran yang dipegang oleh MNC terbesar di dunia.
- Kita perlu melawan persepsi bahawa liberalisasi ekonomi dan memberi lebih skop kepada korporat adalah cara terbaik untuk menangani birokrasi dan ketidakcekapan dalam sektor awam. PSM berpandangan bahawa pendekatan sebegini akan meningkatkan kos keperluan asas dan meminggirkan lagi rakyat bawah 80%.
- Kita perlu sedar bahawa kumpulan perniagaan yang terkaya di Malaysia semakin mempunyai pengaruh yang hebat ke atas proses politik di negara kita kerana mereka menyalurkan dana kepada kedua-dua belah pihak politik yang berlawanan. Demokrasi di negara kita telah dilemahkan oleh dana politik yang banyak daripada elit perniagaan. PSM telah menyeru untuk pendanaan awam bagi parti-parti politik, dan PSM juga mencadangkan mekanisme untuk merealisasikannya supaya dapat memperkuatkan pengaruh rakyat dalam proses politik;
- PSM nampaknya satu-satu parti yang berpendapat bahawa adanya sebab-sebab kukuh mengapa orang Melayu luar bandar berasa risau pada perubahan rejim. PSM telah mengkaji tentang ekonomi luar bandar untuk beberapa tahun kebelakangan ini untuk mengetahui mengapa kemiskinan luar bandar masih kekal walaupun berbilion-bilion ringgit ditaburkan oleh kerajaan. PSM telah mengemukakan rangka kerja untuk program menangani masalah ini, satu program yang berpotensi hebat untuk meredakan ketakutan pengundi Melayu luar bandar dan membolehkan mereka menyokong agenda pembaharuan.
- PSM berpendapat bahawa pemimpin politik perlu lebih bertanggungjawab dalam perkara mengumpul kekayaan mereka. PSM berpendirian bahawa sesiapa yang mahu menjadi kaya patut memiliki kerjaya yang lain dan bukannya melibatkan diri dalam politik.
- PSM menentang dasar-dasar populis seperti lebuhraya bebas tol, turunkan harga kereta dan petrol yang murah. Keprihatian terhadap alam sekitar tidak boleh dihadkan pada ucapan semasa Hari Bumi! Kita perlu mengurangkan tapak kaki karbon kita – kita patut menggunakan insentif ekonomi untuk beralih kepada pengangkutan awam dan membangunkan lebih banyak kenderaan berkuasaan elektrik sementara berusaha untuk penjanaan elektrik daripada sumber-sumber yang boleh diperbaharui.
- PSM berpendapat bahawa automasi dan AI sepatutnya memberi rahmat untuk manusia, dan bukannya punca kepada pengangguran dan kegawatan. Peningkatan produktiviti ekonomi dunia kita yang semakin pesat, bermakna kita semua tidak perlu lagi bekerja 12 jam sehari untuk memenuhi keperluan harian hidup kita. Namun pada takat ini, mereka yang tidak dapat mencari kerja juga tidak dapat menggunakan barang – ini amat menyakitkan untuk pekerja yang menganggur dan juga ekonomi dunia kerana permintaan agregat akan tetap lembab jika rakyat tidak mampu membeli barang. Penyelesaiannya, seperti yang kami lihat, adalah

peningkatan gaji secara hebat tambahan pula dengan pelaksanaan kerja 32 jam seminggu, supaya rakyat akan dapat memperoleh gaji mampu sara hidup walaupun kerja sudah kurang, dan semua keluarga akan adanya peluang kerja, di samping perniagaan juga akan mempunyai pasaran yang mencukupi untuk menjual barangnya. Kita semua akan mempunyai lebih banyak masa untuk diri kita sendiri, keluarga kita, komuniti sekeliling kita, keagamaan, seni, sukan dan sebagainya – pembungaan potensi manusia yang sepenuhnya. Saya meragu bahawa adanya parti lain di Malaysia yang mempunyai visi yang serupa untuk sebuah masyarakat yang lebih baik, di mana kita dapat menyusun ekonomi kita berdasarkan solidariti masyarakat dan bukannya berdasarkan kehebatan syarikat besar Forbes 500.

PSM percaya bahawa kami adanya banyak peranan yang dapat menyumbang kepada proses politik di Malaysia, dan saya belum lagi sebut tentang komitmen dan sifat tidak mementingkan diri sendiri yang dimiliki oleh aktivis barisan hadapan PSM yang berdiri bersama dengan kumpulan yang terpinggir dalam masyarakat kita. Inilah sebabnya PSM tidak akan “tutup kedai” begitu sahaja, dan terus berundur ke pinggiran politik.

PSM masih komited untuk membawa perubahan rejim, dan kami bersetuju bahawa pada takat ini, hanya Pakatan Harapan yang cukup besar untuk melakukannya. PSM bersedia untuk bekerjasama dengan sesiapa yang boleh membawa perubahan. PSM bersedia untuk berkompromi dan undur dari sebahagian kerusi yang kami bersedia untuk bertanding, jika kami dapat diberi ruang untuk bertanding satu lawan satu dengan BN (iaitu PH tarik diri dari kawasan-kawasan ini). Namun, ini hanya boleh dilakukan melalui perbincangan dan kami telah pun menyeru untuk perbincangan sejak lebih 24 bulan lalu. Hanya sekarang apabila sudah terlalu dekat dengan PRU, wakil dari PH barulah menghubungi kami. PSM bersedia untuk berbincang dengan segera.

Saya ingin memohon pada semua rakyat Malaysia yang menyokong Pakatan Harapan, anda juga ada peranan untuk dimainkan dalam menyelesaikan masalah ini. Beritahu pemimpin PH anda untuk melayan PSM secara adil. Yakinkan mereka bahawa PSM boleh menambahnilai kepada gerakan pembaharuan di negara kita.

Kadang-kadang, (dan ini adalah perkara ketiga yang saya ingin ungkitkan), sokongan anda yang tidak berbelah bagi terhadap mereka hanya akan menyebabkan keangkuhan mereka dalam melayan orang lain! ##

PSM menyeru pada pengundi supaya mengundi calon PSM di kawasan yang ditandingi PSM. Sementara di kawasan yang tidak ditandingi PSM, PSM menyeru pada pengundi supaya mengundi calon Pakatan Harapan atau mana-mana calon bukan BN yang benar-benar dapat membawa perubahan (jika ada).

PSM

BERSAMA MEMBINA KUASA RAKYAT

5

Melindungi Alam Sekitar

- i. Pembangunan tenaga boleh diperbaharui
- ii. Pemeliharaan hutan asli



4

Hentikan Penswastaan Perkhidmatan Awam

- i. Kawalan harga rumah
- ii. Memperkasakan perkhidmatan hospital kerajaan
- iii. Pendidikan percuma sehingga ijazah pertama



3

Menjamin Hak Pekerja

- i. Gaji minimum RM1500
- ii. Mansuhkan sistem pekerjaan kontrak



fb.com/partisosialis

pusat@partisosialis.org

partisosialis.org

1

Melawan Jurang Kekayaan

- i. Pencen bulanan warga emas
- ii. Pusat penjagaan kanak-kanak di komuniti dan tempat kerja
- iii. Baucar khas perumahan, dan penjagaan anak untuk ibu tunggal B40
- iv. Mansuhkan GST; tingkatkan cukai maha kaya
- v. Pertingkatkan kemudahan mesra OKU



2

Memperkasakan Ekonomi Luar Bandar



1

- i. Iktiraf tanah adat orang asli/asal
- ii. Menangani ketirisan dalam program bantuan untuk pesawah, pekebun kecil dan nelayan
- iii. Jaminan tanah untuk petani dan penternak kecil demi menjamin makanan negara

5

Menjamin Hak Pekerja

